

10 OCT 1999

BN SELANGOR SUDAH SIAPKAN SENARAI CALON

SHAH ALAM, 10 Okt (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor telahpun menyiapkan senarai calonnya bagi pilihan raya umum akan datang, kata Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Beliau berkata senarai itu bagaimanapun belum dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN.

"Saya akan mengemukakan senarai itu kepada Perdana Menteri apabila beliau memintanya," kata Abu Hassan kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan anggota-anggota Bahagian Kapar BN di Kelab Shah Alam di sini hari ini.

Ketika ditanya berapa ramaikah muka baru dalam senarai berkenaan, Abu Hassan yang juga pengerusi BN Selangor berkata beliau tidak dapat mengumumkan calon-calon muka baru pada masa ini.

Beliau bagaimanapun berkata adalah perkara biasa untuk menyaksikan kemunculan muka baru setiap kali pilihan raya diadakan.

Abu Hassan berkata jentera pilihan raya BN negeri telah digerakkan beberapa bulan lepas dan akan bergerak lancar apabila tarikh pilihan raya diumumkan.

Beliau juga berkata BN Negeri amat optimistik untuk menyapu bersih 48 kerusi dewan undangan negeri dan 17 kerusi parlimen di Selangor.

-- BERNAMA

KM FAZ